MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 50<br>No. 6 | 23hb Mac 2006 | *TAMBAHAN No. 32*<br>*PERUNDANGAN (A)* |


P.U. (A) 111.

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2006.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 20 Jun 2002.

**Pindaan peraturan 53**

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U. (A) 395/1993*] dipinda dengan menggantikan peraturan 53 dengan peraturan yang berikut:

"53. (1) Apa-apa surat-menyurat antara pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan dengan pegawai yang tertakluk kepada tindakan tatatertib hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan atau oleh mana-mana anggota Pihak Berkuasa Tatatertib bagi pihak Pengerusi.

(2) Walau apa pun peruntukan subperaturan (1), jika Pihak Berkuasa Tatatertib itu ialah Suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan, apa-apa surat-menyurat yang dikehendaki ditandatangani boleh ditandatangani oleh Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan.".

Dibuat 20 Februari 2006
[JPA(S)TT. 8006/1 Jld. 2; PN(PU²)171B/IV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
*Setiausaha Jemaah Menteri*

## FEDERAL CONSTITUTION

### PUBLIC OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2006

IN exercise of the powers conferred by Clause (2) of Article 132 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the Public Officers (Conduct and Discipline) (Amendment) Regulations 2006.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 20 June 2002.

**Amendment of regulation 53**

2. The Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 [*P.U. (A) 395/1993*] are amended by substituting for regulation 53 the following regulation:

"53. (1) Any correspondence between the appropriate Disciplinary Authority and the officer who is subject to disciplinary action shall be signed by the Chairman of the appropriate Disciplinary Authority or by any member of the Disciplinary Authority on behalf of the Chairman.

(2) Notwithstanding the provisions of subregulation (1), where the Disciplinary Authority is a Service Commission established under Part X of the Federal Constitution, any correspondence required to be signed may be signed by the Secretary of the Service Commission concerned.".

Made 20 February 2006
[JPA(S)TT. 8006/1 Jld. 2; PN(PU²)171B/IV]

By Command

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
*Secretary to the Cabinet*